



## SIARAN MEDIA

### ARAHAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 18 HINGGA 31 MAC 2020

#### MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

1. Pada pemantauan yang dijalankan masuk hari kelima perintah kawalan pergerakan, pihak MPS telah memberi fokus kepada kawalan keluar masuk orang ramai di pasar-pasar awam seluruh Selayang. Pemantauan ini telah melibatkan seramai 35 orang anggota dari Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan, Jabatan Pelesenan dan Jabatan Sisa Pepejal dan Kesihatan MPS.
2. Untuk makluman, MPS telah menguatkuasakan peraturan bagi urusan pembelian di pasar awam Selayang di mana bagi mengelakkan kepadatan, orang ramai telah diminta untuk mematuhi peraturan seperti berikut:
  - a. Hanya satu (1) pintu masuk akan dibuka bagi semua Pasar Awam di dalam Pentadbiran MPS
  - b. Hanya satu (1) wakil bagi setiap keluarga dibenarkan masuk ke dalam Pasar Awam untuk menjalankan urusan pembelian barangan keperluan.
  - c. Setiap pembeli harus memastikan jarak selamat sekurang-kurangnya 1 meter dari pembeli lain ketika menjalankan urusan.
  - d. Pembeli tidak digalakkan untuk mengerumuni meja jual.
  - e. Pembeli digalakkan untuk memakai sarung tangan dan penutup muka
3. Keadaan di seluruh pasar-pasar awam didapati terkawal dan orang ramai mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. MPS berharap keadaan ini akan berterusan dan masyarakat akan terus memberi kerjasama dalam membantu usaha kerajaan mengekang penularan wabak Covid-19 yang sedang melanda. MPS juga akan terus melakukan pemantauan untuk memastikan setiap peraturan dan arahan sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan adalah dipatuhi.
4. Untuk sebarang pertanyaan ataupun aduan, orang ramai boleh menghubungi talian Bilik Gerakan Khas MPS yang akan beroperasi pada Isnin hingga Jumaat, Jam 8 pagi hingga 5 petang di hotline 03-61389898 atau talian bebas tol di 1800-222-677. Orang ramai juga boleh merujuk laman sosial MPS untuk sebarang pengumuman terkini berkaitan MPS.

#### Dikeluarkan Oleh:

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Selayang

11.00 AM  
22 Mac 2020